

18 OCT 1999

Mahathir-Timor

DR MAHATHIR MAHU TENTERA ANTARABANGSA TUMPU KEAMANAN TIMOR TMUR

Oleh: Mohd Kamel Othman

SINGAPURA, 18 Okt (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata tentera pelbagai negara yang diketuai oleh Australia di Timor Timur perlu menumpu kepada usaha menjamin keamanan dan bukannya mencari sebab untuk bermusuhan dengan kumpulan-kumpulan tertentu.

"Kami berpendapat pasukan tentera dari luar yang memasuki sesebuah negara seperti ini sepatutnya memberi tumpuan bagaimana untuk mengembalikan keamanan," katanya kepada pemberita selepas menyampaikan ucap tama pada Sidang Kemuncak Ekonomi Asia Timur ke 8 di sini hari ini.

Dr Mahathir berkata tentera luar perlu cuba menghubungi kumpulan-kumpulan itu dan memberitahu mereka bahawa tidak ada faedahnya mereka berperang.

"Itulah yang kami akan lakukan. Kami bukannya bermusuhan dengan puak militia dan rakyat Timor Timur...kami mahukan keamanan," kata perdana menteri.

Dr Mahathir berkata Malaysia ingin melihat pasukan tentera Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu di Timor Timur diketuai oleh sebuah negara Asia khususnya dari Asean.

Katanya Malaysia sedia mengetuai tentera pelbagai negara itu jika diminta.

Dalam pasukan tentera pelbagai negara di Timor Timur, terdapat 16 pegawai dan 13 anggota pangkat lain dari Malaysia, diketuai Brig-Jen Datuk Mohamed Khalid Saad, pegawai memerintah Briged Infantri Kelima berpangkalan di Lok Kawi, Sabah.

Pasukan tentera pelbagai negara di Timor Timur (Interfet) diketuai Mej-Jen Peter Cosgrove dari Australia ditugaskan menjamin keamanan di wilayah itu yang mahu kemerdekaan dari Indonesia berdasarkan pungutan suara Ogos lepas.

Beberapa negara Asean termasuk Malaysia telah menyuarakan rasa tidak senang dengan tindakan kasar tentera Australia dalam menjalankan operasi mereka.

Malaysia juga meminta supaya Australia mengurangkan bilangan anggota tenteranya agar lebih banyak anggota tentera dari Asean dapat dihantar ke Timor Timur. Daripada 5,651 anggota tentera pelbagai negara di Timor Timur yang ada sekarang, 4,303 adalah dari Australia.

"Kami tidak ada apa-apa...kami bukannya bermusuhan dengan rakyat Timor Timur dan tidak benar untuk mengandaikan kononnya kami tidak suka mereka. Kami berharap apabila merdeka, mereka akan menyertai Asean tetapi nampaknya ada pihak yang memberitahu mereka supaya jangan menyertai Asean dan mereka telah mengisytiharkan tidak akan menyertai Asean," kata Dr Mahathir.

Ketika ditanya sama ada Asean akan memujuk Timor Timur supaya menyertainya, Dr Mahathir berkata Asean sentiasa terbuka.

"Saya berpendapat kita tidak sepatutnya memaksa sesiapa juga menyertai kita jika mereka tidak suka menyertai kita," katanya.

Bulan lepas, rakyat Timor Timur mengundi untuk menamatkan pemerintahan Indonesia menyebabkan kekacauan meletus berpunca daripada puak militia yang pro-Jakarta.

Terdapat kebimbangan bahawa puak ini yang dibantu oleh pihak tentera akan menggugat kestabilan Timor Timur dan juga beberapa wilayah di rantau ini.

BERNAMA

MKO TCL MAI

